

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan seni persembahan yang semakin pupus seperti Ghazal Parti, Makyong, Boria dan banyak lagi kembali diperkenalkan kepada generasi muda.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Agenda memartabatkan seni, budaya dan warisan sentiasa dijadikan fokus utama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bukan sahaja untuk dipromosikan sebagai pelancongan budaya warisan, malah untuk memastikan kelestariannya pada masa yang akan datang.
2. Dalam hal ini, MOTAC menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah melaksanakan penyelidikan seni budaya di peringkat negeri yang merangkumi pelbagai aspek kebudayaan seperti seni persembahan dan adat resam masyarakat setempat. Hasil penyelidikan ini akan menjadi bahan rujukan seni budaya yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak untuk mengenali dan memahami kesenian tradisional dalam usaha melestarikannya dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda.
3. JKKN juga telah bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk melaksanakan program 1IPT 1 Produk Seni dalam memperkasakan produk seni budaya agar terus terpelihara. Program ini juga merupakan satu usaha menggilap dan mengetengahkan bakat dan kemahiran seni budaya dan warisan dalam kalangan penuntut IPT sebagai pelapis.
4. Sejak tahun 2007, Program Perantisan juga dilaksanakan untuk memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus melalui pewujudan kumpulan pelapis yang mampu menguasai segala aspek kesenian seni tradisional.
5. Sehingga kini, sebanyak 1,086 data telah direkodkan dalam Pemetaan Budaya. Pemetaan Budaya merupakan sebuah pangkalan data seni, budaya, warisan dan pelancongan yang komprehensif serta diperluaskan untuk kegunaan masyarakat khususnya generasi muda dan pelancong. Ia merupakan megadata seni, budaya, warisan merangkumi tarian, muzik, teater tradisional, adat resam, makanan tradisional, busana tradisional,

permainan tradisional, prasarana seni persembahan dan direktori NGO. Usaha menambah tiga (3) lagi kandungan baharu iaitu perayaan di Malaysia, perubatan tradisional dan menambah baik kandungan prasarana seni giat dilaksanakan pada tahun ini.

6. Sementara itu, Jabatan Warisan Negara (JWN) pula komited dalam memastikan seni persembahan yang semakin pupus dengan melaksanakan program latihan daripada semasa ke semasa di kalangan anak muda. Pakar-pakar dalam bidang berkaitan dijemput untuk mengajar di Pusat Pengembangan Warisan JWN seperti Bengkel Selendang Ikat dan Bengkel Busana dan Seni Hias Diri.
7. Selain itu, program berbentuk pertandingan turut dianjurkan agar dapat disertai oleh masyarakat khususnya generasi muda dalam memartabatkan seni warisan negara. Bantuan berbentuk keperluan logistik juga disediakan bagi mengadakan persembahan seperti pembinaan bangsal Wayang Kulit di Kelantan dan Terengganu serta pembelian lain-lain keperluan berkaitan.
8. JWN turut mengiktiraf penggiat seni sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WaKOH) di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Sehingga kini, JWN telah mengiktiraf 27 tokoh dalam pelbagai bidang seni dan budaya seperti bangsawan, cerita rakyat, tarian, muzik, teater, seni halus dan kraf. Watikah Pengisytiharan ini dapat membantu menggalakkan tokoh berkenaan untuk mewariskan ilmu pengetahuan kepada pelapis muda demi memastikan kelestarian seni, budaya dan warisan.
9. Pendedahan kepada generasi muda melalui aktiviti kemasyarakatan turut dilaksanakan. Contoh program yang telah dilaksanakan adalah menghantar kumpulan persembahan Mak Yong daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Long Gafar, Kubang Keranji Kota Bharu, Kelantan ke Korea di bawah program latihan *in-situ*.

**NO. SOALAN : 27**

10. Di samping itu, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah menjalankan pelbagai langkah bagi memastikan seni persembahan yang semakin pupus kembali diperkenalkan kepada generasi muda. Antaranya ialah mewujudkan Pusat Seni Pentas Tradisional ASWARA (PuTRA) iaitu pusat kecemerlangan dalam kesenian tradisional telah diwujudkan sejak tahun 2014. ASWARA memperkenalkan kursus-kursus wajib akademik yang menjurus kepada kesenian tradisional Malaysia seperti Mak Yong, Bangsawan, Mek Mulong, Randai dan lain-lain lagi. Kursus-kursus ini diwajibkan kepada setiap pelajar prasiswazah.

11. Tanggungjawab meneruskan tradisi dan pengekalan budaya merupakan usahasama antara pelbagai pihak, dan seni persembahan perlulah diperkenalkan kepada generasi muda melalui pendekatan yang segar agar menarik minat golongan ini untuk mendalami seni tersebut. Untuk itu, penyertaan dan inisiatif semua pihak, termasuklah Ahli-Ahli Yang Berhormat, dialu-alukan untuk bersama-sama mempertahankan seni, budaya dan warisan negara daripada pupus ditelan zaman.

Sekian, terima kasih.